

# Berbakti pada tanah

## Graduan UPM berhasrat beri sumbangan untuk kemajuan kampung



>>Oleh Syarifah Dayana Syed Bakri

dayana@hmetro.com.my

**S**ERDANG: Jika kebanyakan pelajar memilih bidang korporat selepas tamat pengajian, graduan ini lebih berminat berpanas dan bergelumang dengan kekotoran kerana percaya ia lebih mendatangkan kepuasan.

Noorhalizam Mohamad Noor, 24, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian dari Universiti Putra Malaysia (UPM) memilih untuk berbakti kepada tanah serta berhasrat menyumbang untuk kemajuan desa.

"Jika kebanyakan graduan selesai bekerja dalam pejabat, saya lebih suka kerja lapangan, malah tidak kisah se-

kiranya menghabiskan masa di bawah panas terik," katanya yang memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.89.

Penerima Hadiah Pingat Emas Canselor dan Pingat Emas Profesor Emeritus Tan Sri Dr Rashdan Baba itu kini bertugas sebagai Ahli Biak Baka di Felcra Plantations Sdn Bhd.

Beliau menyimpan hasrat untuk membangunkan desa kerana yakin bidang pertanian yang banyak dikendalikan masyarakat desa mampu menjana pendapatan.

"Saya mahu kelulusan dalam bidang ini dapat disumbangkan untuk kemajuan kampung kerana percaya ia boleh memberi pulangan lumayan.

"Selain itu, bidang pertanian juga satu cabang perniagaan yang ternyata menyumbang kepada pendapatan dan kemajuan negara," katanya.



**TAHNIH...graduan UPM yang menerima anugerah khas sempena Majlis Konvokesyen UPM kali ke-33 bersama Dr Nik Mustapha.**

Noorhalizam antara 7,597 graduan UPM yang akan menerima ijazah dan diploma bermula pada istiadat konvokesyen UPM kali ke-33 bermula 8 Ogos ini.

Jumlah itu meliputi Ijazah Doktor Falsafah (PhD) seramai 141 pelajar, Ijazah Sarjana (1,072), Ijazah Sarjana Muda

(5,984) dan Diploma (400).

Menurut Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, istiadat konvokesyen kali ini mencatatkan 417 graduan berjaya memperoleh ijazah kelas pertama dan 5,364 memperoleh kelas kedua.

Selain itu, buat pertama kalinya, majlis ini meraikan kumpulan pertama bagi kur-

sus yang diperkenalkan empat tahun lalu iaitu Ijazah Sarjana Muda Sains Dietetik dan Ijazah Sarjana Muda Sains Teknologi Kayu.

UPM juga akan menganugerahkan Ijazah Kehormatan Doktor Pembangunan Pertanian kepada bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada sesi pertama 8 Ogos ini.